

## KDN perluas kerjasama bidang keselamatan dengan Turki

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Jun 2, 2022 @ 4:07pm  
bhnews@bh.com.my



Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan (kanan) menerima kunjungan hormat Hamzah dan delegasi KDN di Istana Presiden - Foto NSTP/Ihsan KDN

KUALA LUMPUR: Lawatan kerja rasmi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin ke Turki, pada Selasa lalu menjadi penanda aras utama bagi Kementerian dalam menambah baik dasar, penguatkuasaan dan aset strategik kawalan sempadan negara.

Selasa lalu, Hamzah mengadakan kunjungan hormat terhadap Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan di Istana Presiden di Ankara.

Turut menyertai sesi itu adalah Menteri Dalam Negeri Turki, Süleyman Soylu.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam kenyataan hari ini berkata, kunjungan hormat itu membincangkan secara mendalam berkenaan inisiatif untuk memperluas kerjasama strategik sedia ada.

Selain itu katanya, ia juga bertujuan berkongsi pengalaman khususnya dalam aspek pemerkasaan kawalan sempadan negara.

"Memandangkan Turki mempunyai kepakaran tinggi dalam menangani pencerobohan warga asing di sempadan, beberapa lawatan khas bagi melihat pengurusan, teknologi, aset strategik serta lokasi operasi tumpuan telah diaturkan secara khusus oleh Kerajaan Turki yang diselaraskan oleh Menteri Dalam Negeri Turki.

"Sebagai rakan strategik utama dan negara pempamer terbesar bagi Pameran Defense Security Asia (DSA) 2022 dan Pameran Nasional Security Asia (NATSEC) 2022 di Kuala Lumpur, Turki juga diiktiraf mempunyai teknologi, sistem dan aset keselamatan yang bertaraf dunia," katanya.

Katanya, dalam pertemuan itu, Hamzah turut merakamkan penghargaan kepada Presiden Turki atas kesudian untuk menerima kunjungan hormat beliau.

Turut mengiringi lawatan kerja rasmi itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzamee Daud.